

BILANGAN 15 HADIAH



HADIAH PERCUMA



Hadiah percuma untuk setiap pembelian baju kurung dan kebaya.

Perluah anda membayar untuk menerima hadiah? Sudah tentu tidak...

Jadi, perkataan selepas hadiah iaitu percuma tidak seharusnya wujud. Perkataan-perkataan berikut boleh digunakan selepas "hadiah" dan tentulah bersesuaian dengan tujuannya:

- hadiah menarik,
- hadiah istimewa
- hadiah hujung tahun
- hadiah bulanan
- hadiah pertama
- hadiah sagu hati
- hadiah lebaran
- hadiah sastera
- Hadiah Nobel
- hadiah kerja